

BONSPRI®

Ofatumumab (20 mg) Larutan untuk Suntikan di dalam Picagari Pra Isi

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Bonspri
2. Bagaimana Bonspri berfungsi
3. Sebelum menggunakan Bonspri
4. Cara menggunakan Bonspri
5. Semasa menggunakan Bonspri
6. Kesan-kesan sampingan
7. Penyimpanan dan Pelupusan produk
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang
10. Pemegang pendaftaran produk
11. Tarikh kemaskini RiMUP
12. Nombor siri

Apakah kegunaan Bonspri

Bonspri digunakan untuk rawatan pesakit dewasa dengan sklerosis berbilang berbentuk kambuh termasuk penyakit kambuh-remisi, dan penyakit progresif sekunder aktif.

Sklerosis Berbilang (MS) adalah penyakit jangka panjang yang menjejaskan sistem saraf pusat (CNS), terutamanya cara otak dan saraf tunjang berfungsi. Dalam MS, sistem imun (sistem pertahanan badan) tidak berfungsi dengan betul: keradangan memusnahkan sarung pelindung (dipanggil mielin) di sekeliling saraf di dalam CNS dan menghalang saraf daripada berfungsi dengan betul. Proses ini dipanggil demielinasi.

Pesakit dengan MS kambuh mengalami serangan berulang gejala sistem saraf yang menggambarkan keradangan di dalam CNS. Serangan ini biasanya dipanggil kambuh semula atau memberang. Gejalanya berbeza-beza dari pesakit ke pesakit tetapi biasanya melibatkan masalah dengan berjalan atau keseimbangan, kelemahan, kebas, masalah

penglihatan (penglihatan berganda dan kabur), koordinasi lemah dan masalah pundi kencing. Gejala kambuh mungkin hilang sepenuhnya apabila kekambuhan selesai tetapi sesetengah masalah mungkin kekal. Pesakit mengumpul kecacatan akibat pemulihan yang tidak lengkap daripada kekambuhan dan/atau perkembangan penyakit yang beransur-ansur.

Bagaimana Bonspri berfungsi

Bahan aktif di dalam Bonspri, ofatumumab ialah sejenis protein yang dipanggil antibodi monoklonal yang direka bentuk untuk mengecam dan melekat pada sasaran yang dipanggil CD20 pada permukaan jenis sel darah putih tertentu yang merupakan sebahagian daripada sistem imun (yang dikenali sebagai sel B).

Sebaik respons abnormal oleh sistem imun badan dicetuskan, sel-sel darah putih memainkan peranan dalam sel darah putih dengan menyerang sarung di sekeliling saraf di dalam otak dan saraf tunjang, menyebabkan keradangan dan kerosakan. Dengan menyasarkan dan mengeluarkan sel B, Bonspri membantu mengurangkan aktiviti mereka dan dengan itu mengurangkan peluang mengalami kambuh, melegakan gejala dan memperlambatkan perkembangan penyakit.

Dalam kajian klinikal terkawal pesakit-pesakit dengan MS bentuk kambuh, Bonspri mengurangkan dengan ketara bilangan serangan, dengan ketaranya memanjangkan masa tanpa kambuh dan memperlambatkan perkembangan penyakit. Bilangan purata kambuh

dalam pesakit yang dirawat dengan Bonspri lebih sedikit daripada separuh berbanding dengan pesakit yang dirawat dengan satu lagi ubat MS iaitu teriflunomide. Bonspri mengurangkan secara ketara tahap darah bagi penunjuk biologi (yang dikenali sebagai *neurofilament light chain*). Peningkatan tahap dalam darah bagi penunjuk ini dikaitkan dengan kerosakan pada sel otak.

Jika anda mempunyai soalan mengenai bagaimana Bonspri berfungsi atau kenapa ubat ini telah dipreskripsikan untuk anda, bertanya kepada doktor anda, ahli farmasi anda atau penyedia penjagaan kesihatan anda.

Sebelum menggunakan Bonspri

- Sebelum menggunakan Bonspri

Ikuti semua arahan doktor dengan teliti. Ia mungkin berbeza daripada maklumat umum yang terkandung di dalam risalah.

Jangan menggunakan Bonspri

Jika anda alah kepada Bonspri seperti yang disahkan oleh doktor anda.

Amaran dan langkah berjaga-jaga

Sebelum memulakan rawatan

dengan Bonspri

Berbincang dengan doktor anda

sebelum memulakan rawatan

dengan Bonspri:

- **Doktor anda akan memeriksa jika anda berisiko terhadap jangkitan hepatitis B** sebelum permulaan rawatan dengan Bonspri. Semua pesakit akan menjalani ujian darah dan pesakit yang pernah menghidap hepatitis B atau pembawa virus hepatitis B akan dirujuk kepada doktor

pakar. Bonspri mungkin menyebabkan virus hepatitis B menjadi aktif semula.

- **Sebelum anda memulakan rawatan dengan Bonspri,** doktor anda mungkin akan memeriksa sistem imun anda.
- **Jika anda mempunyai jangkitan** sebelum permulaan rawatan dengan Bonspri, doktor anda mungkin membuat keputusan bahawa anda tidak boleh menerima Bonspri atau melambatkan rawatan anda dengan Bonspri sehingga jangkitan itu sembuh.
- **Jika anda merancang untuk menerima vaksin,** anda seharusnya menerima vaksin anda sekurang-kurangnya 4 minggu sebelum memulakan Bonspri untuk vaksin hidup atau hidup dilemahkan dan sekurang-kurangnya 2 minggu sebelum memulakan Bonspri untuk vaksin lain. Anda seharusnya tidak menerima jenis vaksin tertentu (vaksin hidup atau hidup dilemahkan) semasa rawatan dengan Bonspri. Untuk vaksin lain, ia boleh menjadi kurang berkesan jika diberikan semasa rawatan dengan Bonspri.

- Jika mengambil ubat-ubat lain (interaksi dengan produk ubat lain termasuk vaksin atau biologik)

Sebelum mengambil Bonspri, anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan berikut :

- **Ubat yang menahan atau mengubah-ubah sistem imun termasuk ubat-ubatan lain yang digunakan untuk merawat MS** seperti ocrelizumab, cladribine, fingolimod, natalizumab, teriflunomide, mitoxantrone, atau dimethyl fumarate disebabkan

kemungkinan kesan tambahan kepada sistem imun.

- **Vaksin.** Jika anda perlu mengambil vaksin, minta nasihat doktor anda dahulu. Semasa rawatan dengan Bonspri, pemberian sesetengah vaksin yang mengandungi virus hidup (vaksin hidup dilemahkan contohnya BCG untuk tuberkulosis atau vaksin terhadap demam kuning) mungkin mengakibatkan jangkitan (lihat bahagian Sebelum menggunakan Bonspri).

Kanak-kanak dan remaja (di bawah 18 tahun)

Bonspri belum dikaji di dalam pesakit di bawah 18 tahun.

Warga emas (65 tahun atau lebih)

Anda boleh menggunakan Bonspri jika anda berumur 65 tahun atau lebih pada dos yang sama seperti pesakit dewasa yang lebih muda.

Kehamilan dan menyusukan anak Jika anda mengandung atau sedang menyusukan anak, atau fikir anda mungkin mengandung atau sedang merancang untuk mengandung, dapatkan nasihat doktor anda sebelum mengambil ubat ini.

Doktor akan berbincang dengan anda mengenai kemungkinan risiko mengambil Bonspri ketika hamil. Ini kerana Bonspri boleh mengurangkan sel imun (sel B) di dalam ibu dan bayi dalam kandungan.

Berbincang dengan doktor anda sebelum menyusukan bayi sambil anda menggunakan Bonspri.

Bonspri boleh dipindahkan ke dalam susu ibu dalam jumlah yang kecil. Bertanya dan berbincang dengan doktor anda tentang manfaat dan

risiko menyusukan bayi ketika anda menggunakan Bonspri.

Berbincang dengan doktor anda sebelum memvaksin bayi baru lahir anda.

Minta nasihat doktor anda atau ahli farmasi sebelum memvaksin bayi baru lahir anda, jika anda menggunakan Bonspri semasa anda hamil (lihat bahagian Jika mengambil ubat-ubat lain-vaksin)

Wanita yang berkeupayaan mengandung

Anda seharusnya mengelak daripada hamil semasa mengambil Bonspri dan untuk 6 bulan selepas anda berhenti mengambilnya.

Bonspri mungkin memudaratkan bayi dalam kandungan anda. Pesakit wanita yang mungkin menjadi hamil seharusnya menggunakan kaedah kawalan kelahiran semasa rawatan dan selama 6 bulan selepas berhenti mengambil Bonspri. Bertanya kepada doktor anda mengenai pilihan kawalan kelahiran yang berkesan.

Jika anda hamil atau fikir anda hamil, beritahu doktor anda dengan segera. Anda dan doktor anda akan membuat keputusan berdasarkan apa yang terbaik untuk anda dan bayi anda.

Cara menggunakan Bonspri

Bonspri diberikan dengan cara suntikan subkutaneus (suntikan di bawah kulit). Lihat Arahan untuk Penggunaan di penghujung risalah ini untuk butiran.

- Berapa banyak harus digunakan

- Pengambilan dos permulaan ialah 20mg Bonspri diberikan dengan cara suntikan subkutaneus pada minggu 0, dan

2. Tiada suntikan diberikan pada minggu 3.

- Bermula minggu 4 dan kemudiannya setiap bulan, dos yang disyorkan ialah 20mg Bonspri diberikan dengan cara suntikan subkutaneus.

Regimen dos dengan suntikan subkutaneus Bonspri

Masa	Dos
Minggu 0 (awal rawatan)	20 mg
Minggu 1	20 mg
Minggu 2	20 mg
Minggu 4	20 mg
Setiap bulan (bermula minggu 4)	20 mg

Bila perlu digunakan

Anda boleh menggunakan Bonspri pada bila-bila masa (pagi, petang, malam) untuk dos yang dijadualkan.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Bonspri setiap bulan selama mana yang ditetapkan oleh doktor anda.

Ini merupakan rawatan jangka panjang, yang mungkin berpanjangan selama beberapa bulan atau tahun. Doktor anda memantau keadaan anda secara tetap untuk memeriksa bahawa rawatan ini memberi kesan yang diinginkan.

Jika anda mempunyai soalan mengenai berapa lama untuk menggunakan Bonspri, bercakap dengan doktor anda atau ahli farmasi atau penyedia penjagaan kesihatan.

- Jika terlupa menggunakan

Jika terlepas suntikan Bonspri, ia harus diberikan secepat mungkin. Jangan tunggu sehingga dos yang dijadualkan berikutnya. Selang rawatan sebagaimana yang disyorkan harus dikekalkan untuk dos yang berikutnya.

Untuk mendapatkan manfaat penuh Bonspri, adalah penting bagi anda untuk menerima setiap suntikan subkutaneus pada waktu yang ditetapkan.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Jika anda menggunakan terlalu banyak Bonspri pada satu-satu masa, atau jika anda menggunakan dos permulaan Bonspri secara tidak sengaja, hubungi doktor anda dengan segera.

Semasa menggunakan Bonspri

- Perkara yang perlu dilakukan

Sentiasa mengambil ubat ini dengan tepat sebagaimana yang diarahkan kepada anda oleh doktor anda. Rujuk kepada doktor anda atau ahli farmasi jika anda tidak pasti.

Jangan melebihi dos yang disyorkan oleh doktor anda.

Selepas memulakan rawatan dengan Bonspri

Beritahu doktor anda semasa rawatan anda dengan Bonspri:

- **Jika anda mempunyai tindak balas berkaitan suntikan atau tindak balas tempat suntikan.** Tindak balas berkaitan suntikan (am) dan tindak balas tempat suntikan (setempat) merupakan kesan sampingan biasa rawatan Bonspri (lihat Kesan Sampingan untuk senarai). Ia secara amnya berlaku selepas suntikan subkutaneus Bonspri dan sehingga 24 jam selepas suntikan. Suntikan subkutaneus pertama seharusnya dilakukan di bawah panduan ahli profesional penjagaan kesihatan.
- **Jika anda mempunyai jangkitan.** Apa-apa jangkitan yang anda alami mungkin

menjadi lebih teruk. Jangkitan mungkin serius dan kadang-kadang mengancam nyawa.

- **Jika anda mempunyai tindak balas imun yang rendah** (kerana penyakit atau ubat yang menindas sistem imun, lihat “Mengambil ubat lain”). Anda mungkin mendapat jangkitan dengan lebih mudah atau jangkitan yang anda ada mungkin menjadi lebih teruk. Ini kerana sel imun yang disasarkan Bonspri juga membantu melawan jangkitan.

Beritahu doktor anda dengan

segera, jika anda mendapat mana-mana daripada gejala atau penyakit yang berikut **semasa rawatan anda** dengan Bonspri, kerana ia mungkin serius:

- jika anda mengalami ruam, gatal-gatal, kesukaran bernafas, bengkak pada muka, kelopak mata, bibir, mulut, lidah atau tekak, sesak dada, rasa pitam. Jika mana-mana tanda dan gejala ini menjadi lebih teruk atau anda mempunyai tanda-tanda tindak balas yang teruk selepas suntikan seterusnya, yang boleh menjadi tanda tindak balas alahan.
- Jika anda percaya bahawa MS anda menjadi semakin teruk (cth. Kelemahan atau perubahan visual) atau jika anda perhatikan terdapat gejala baharu atau luar biasa, kerana ini mungkin gejala gangguan otak yang disebabkan oleh jangkitan dan dipanggil leukoensefalopati multifokal progresif (PML).

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan melebihi dos yang disyorkan yang dipreskripsikan oleh doktor anda.

Jangan berhenti menggunakan Bonspri atau menukar dos anda tanpa berbincang dengan doktor anda. Seseengah kesan sampingan boleh dikaitkan dengan tahap rendah sel B di dalam darah anda. Selepas anda berhenti menggunakan Bonspri, kiraan sel B darah anda akan beransur-ansur meningkat kepada tahap normal. Ini akan mengambil masa beberapa bulan. Sewaktu ini seseengah kesan sampingan yang diterangkan di dalam risalah ini mungkin masih berlaku.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Lihat Amaran dan langkah berjaga-jaga dan Perkara yang perlu dilakukan selepas memulakan rawatan.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, pesakit yang dirawat dengan Bonspri mungkin mengalami kesan sampingan, namun bukan semua orang mengalami kesan sampingan tersebut.

Kesan-kesan sampingan termasuk yang berikut sebagaimana disenaraikan di bawah. Jika kesan sampingan ini menjadi lebih teruk, sila beritahu doktor, ahli farmasi atau penyedia penjagaan kesihatan anda. Kebanyakan kesan sampingan adalah ringan hingga sederhana dan secara amnya akan hilang selepas beberapa hari atau minggu menjalani rawatan.

Sangat umum: *mungkin dialami lebih daripada 1 dalam 10 orang*

- Infeksi trakus pernafasan atas dengan gejala seperti sakit tekak dan hidung berhingus
- Tindak balas tempat suntikan (am) seperti kemerahan, rasa sakit, gatal dan bengkak pada tempat suntikan

- Tindak balas berkaitan suntikan (am) seperti demam, pening kepala, sakit otot, seram sejuk dan keletihan.

Umum: *mungkin menjejaskan sehingga 1 dalam setiap 10 orang*

- Pengurangan sejenis protein khusus di dalam darah (imunoglobulin M) yang membantu melindungi daripada jangkitan.

Tidak diketahui: *kekerapan tidak boleh dianggarkan daripada data yang sedia ada*

- Reaksi alahan
- Kerosakan hati: tanda dan gejala kerosakan hati yang mungkin berlaku termasuk kekuningan kulit dan mata, rasa loya, muntah, air kencing menjadi lebih gelap daripada biasa, serta berasa letih atau lemah.

Jika anda perhatikan ada kesan sampingan yang tidak disenaraikan di dalam risalah ini, sila maklumkan doktor anda atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web nptra.gov.my [Consumers --> Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

Cara penyimpanan dan pelupusan Bonspri

- Penyimpanan

- Jauhkan ubat ini daripada pandangan dan jangkauan kanak-kanak.
- Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput yang dinyatakan pada karton.

- Simpan di antara 2 hingga 8°C. Simpan dalam pakej asal.
- Jika perlu, Bonspri boleh ditinggalkan di luar peti sejuk untuk satu tempoh sehingga 7 hari pada suhu bilik (tidak melebihi 30°C). Jika tidak digunakan dalam tempoh ini, Bonspri boleh dikembalikan ke peti sejuk selama 7 hari maksimum.

- Pelupusan

Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Bonspri dibekalkan sebagai picagari pra isi 20mg/0.4mL.

Larutan sekali guna untuk suntikan steril, bebas bahan pengawet, jernih hingga sedikit *opalescent*, dan tanpa warna hingga sedikit coklat kekuningan.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:

Ofatumumab

- Bahan tidak aktif

L-arginina, natrium asetat trihidrat, natrium klorida, polisorbit 80, dinatrium edetate dihidrat, asid hidroklorik dan air untuk suntikan.

Arahan untuk penggunaan Bonspri

Pastikan anda baca, faham dan ikuti cara melalui “Arahan untuk Penggunaan” sebelum menyuntik. Sila hubungi penyedia penjagaan kesihatan anda jika anda ada sebarang pertanyaan sebelum menggunakan Bonspri untuk kali pertama.

Ingat:

- **Jangan mengguna** Bonspri picagari pra-isi jika penutupan pada pembungkusan luar (kotak) atau di dalam (blister) telah bocor. Simpankan Bonspri picagari pra-isi di dalam kotak terkedap sehingga anda sudah sedia untuk menggunakannya.
- **Jangan goncangkan** Bonspri picagari pra-isi.
- Picagari pra-isi ada pengawal jarum yang akan diaktifkan untuk menutup jarum selepas suntikan digunakan. Pengawal jarum akan membantu mengelakkan kecederaan jarum kepada sesiapa yang mengendalikan picagari pra-isi selepas suntikan.
- Jangan keluarkan cap jarum sehingga anda memberi suntikan.
- Berhati-hati agar tidak menyentuh sayap pengawal suntikan sebelum digunakan. Sekiranya menyentuh mereka, pengawal suntikan mungkin diaktifkan awal.
- Jangan gunakan jika picagari pra-isi telah dijatuhkan pada permukaan yang keras atau dijatuhkan selepas menanggalkan cap jarum.
- Buang bekas Bonspri picagari pra-isi yang digunakan sebaik sahaja digunakan. **Jangan guna semula Bonspri picagari pra-isi yang telah digunakan.** Lihat “Bagaimana anda boleh membuang Bonspri picagari pra-isi terpakai?” di hujung “Arahan untuk penggunaan Bonspri”.


Bagaimana anda harus menyimpan Bonspri?

- Simpan Bonspri picagari pra-isi terkedap di dalam kotaknya dalam peti sejuk antara 2°C to 8°C.
- Simpankan Bonspri picagari pra-isi di dalam kotak terkedap sehingga anda sudah sedia untuk menggunakannya untuk melindungi ubat daripada cahaya.
- **Jangan membekukan** Bonspri picagari pra-isi.
- Jika perlu, Bonspri picagari pra-isi boleh ditinggalkan di luar peti sejuk untuk satu tempoh sehingga 7 hari pada suhu bilik (tidak melebihi 30°C). Jika tidak digunakan dalam tempoh ini, Bonspri picagari pra-isi boleh dikembalikan ke peti sejuk selama 7 hari maksimum.

Jauhi Bonspri dan ubat-ubat daripada jangkauan kanak-kanak.

Bahagian Bonspri picagari pra-isi (lihat Gambarajah A):

Gambarajah A



Apa yang anda perlukan untuk suntikan:

Termasuk dalam karton:
Satu baru Bonspri picagari pra isi.

Tidak termasuk dalam karton (lihat Gambarajah B):

- 1 swab alkohol
- 1 bola kapas atau kasa
- Bekas pelupusan untuk sisa tajam

Lihat “Bagaimana anda boleh membuang Bonspri picagari pra-isi

terpakai?” di hujung “Arahan untuk penggunaan Bonspri”.

Gambarajah B



Penyediaan Bonspri picagari pra-isi untuk digunakan

Langkah 1. Cari permukaan kerja yang bersih, terang dan rata.

Langkah 2. Ambil kotak yang mengandungi Bonspri picagari pra-isi dari peti sejuk dan biarkan **tanpa dibukakan** atas permukaan kerja di langkah 1 selama 15 hingga 30 minit supaya ia mencapai suhu bilik.

Langkah 3. Basuh tangan anda dengan sabun dan air.


Langkah 4. Keluarkan Bonspri picagari pra-isi daripada pembungkusan dan ambilkan dengan memegang pada badan pengawal suntikan.

Langkah 5. Lihat melalui tingkat pemandang pada picagari pra-isi. Cecair di dalam mesti jernih hingga sedikit tidak jernih. Anda mungkin melihat gelembung udara kecil dalam cecair, ini adalah normal. **Jangan menggunakan** jika cecair dalam picagari pra-isi mengandungi zarah yang mudah dilihat dengan kasar mata atau keruh.

Langkah 6. **Jangan menggunakan** jika picagari pra-isi sudah dipecahkan. Kembalikan seluruh pek produk dengan picagari pra-isi yang pecah ke farmasi.

Langkah 7. **Jangan menggunakan** picagari pra-isi jika tarikh tamat tempoh. (lihat Gambarajah C). Jika sudah luput, kembalikan seluruh pek ke farmasi.

Gambarajah C




Tarik luput

Pilih dan bersihkan kawasan suntikan

- Bahagian badan yang anda boleh menggunakan sebagai kawasan suntikan termasuk:
- bahagian hadapan paha anda (lihat Gambarajah D)
- bahagian bawah perut (abdomen), tetapi bukan bahagian badan 5 cm (2 inci) di sekitar pusar (butang perut) (lihat Gambarajah D)


Gambarajah D



- lengan luar dan atas anda, jika penyedia penjagaan kesihatan atau pengasuh yang memberi anda suntikan (lihat Gambarajah E).

Gambarajah E

(Pengasuh dan penyedia penjagaan kesihatan sahaja)




- Pilih bahagian badan yang berbeza setiap kali anda memberi suntikan Bonspri.

•**Jangan menyuntik** kawasan yang kulitnya lembut, lebam, merah, bersisik atau keras. Elakkan kawasan dengan parut atau tanda regangan. Langkah 8. Bersihkan kawasan suntikan dengan swab alkohol menggunakan gerakan bulatan. Biarkan kering sebelum menyuntik. Jangan sentuh kawasan yang telah dibersihkan sebelum suntikan.

Memberi suntikan anda


Langkah 9. Berhati-hati mengeluarkan cap jarum dari picagari pra-isi (lihat **Gambarajah F**). Buang cap jarum. Anda mungkin melihat setitik cecair pada akhir jarum. Ini adalah normal.

Gambarajah F



Langkah 10. Dengan sebelah tangan, perlahan-lahan mencubit kulit di kawasan suntikan. Dengan sebelah tangan yang lain, masukkan jarum dalam kulit seperti ditunjukkan (lihat **Gambarajah G**). Tolak seluruh jarum masuk untuk memastikan ubat dapat diberikan sepenuhnya.


Gambarajah G



Langkah 11. Memegang picagari pra-isi seperti yang ditunjukkan (lihat **Gambarajah H**). Perlahan-lahan menekan pelocok sejauhnyanya supaya kepala pelocok sepenuhnya di antara sayap pengawal suntikan. Langkah 12. Terus tekan pelocok dengan sepenuhnya selama 5 saat

lagi. Pegang picagari di tempatnya selama 5 saat.


Gambarajah H



Langkah 13. **Perlahan-lahan** lepaskan pelocok sehingga jarumnya tidak terdedah. (lihat **Gambarajah I**), dan kemudian keluarkan picagari dari kawasan suntikan..

Langkah 14. Mungkin terdapat sedikit darah di kawasan suntikan. Anda boleh menekan bola kapas atau kasa di atas kawasan suntikan dan tahan selama 10 saat. Jangan gosokkan kawasan suntikan. Anda boleh menutup kawasan suntikan dengan perban pelekat kecil, jika perlukan.

Gambarajah I



Bagaimana anda boleh membuang Bonspri picagari pra-isi terpakai?

Langkah 15. Pelupusan picagari pra-isi yang telah digunakan:

- Buang picagari yang sudah digunakan dalam bekas pelupusan untuk sisa tajam (i.e. bekas tahan tusuk dan tertutup, atau serupa) (lihat **Gambarajah J**).

- Jangan buang** picagari pra-isi yang telah digunakan dalam sampah isi rumah.
 - Jangan cuba menggunakan semula picagari pra-isi yang telah digunakan.
- Jauhi bekas pelupusan untuk sisa tajam daripada jangkauan kanak-kanak.**

Gambarajah J



- Nombor MAL:

MAL21086008ARZ

Pengilang

Novartis Pharma Stein AG
Schaffhauserstrasse
4332 Stein
Switzerland.

Pemegang Pendaftaran Produk

Novartis Corporation (Malaysia) Sdn.
Bhd.
Level 18, Imazium,
No. 8, Jalan SS21/37,
Damansara Uptown,
47400 Petaling Jaya

Tarikh kemaskini RiMUP

10 Apr 2026 (Maklumat dikeluarkan
pada 21 Jan 2026)

Nombor Siri

NPRA (R3/01) 08072022/0203